

ASi PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan
Jawab Lisan Harian Yang Tidak
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat
Daripada Kementerian**

ARI KHAMIS: 11 NOVEMBER 2010

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 2, 6,10 HINGGA 42)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1,3, 4, 5, 7, 8, DAN 9

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

SOALAN(2)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PAD A Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
(JELUTONG)**

**TARIKH 11 NOVEMBER 2010
(KHAMIS)**

SOALAN

Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 akan dipinda supaya kuasa pengurusan keseluruhannya terletak pada Pihak Berkuasa Tempatan (PKT) dan bukannya menerusi pelantikan secara Rundingan Terus (*Direct Negotiation*) antara Kerajaan pusat dengan konsortium-konsortium tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin menjelaskan

di sini bahawa Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) bertujuan untuk memberi kuasa eksekutif kepada Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan. Ini bererti bahawa apabila Akta 672 ini berkuat kuasa kelak, pihak berkuasa tempatan tidak lagi bertanggungjawab ke atas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Dengan berkuat kuasanya Akta 672 ini, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perjanjian termasuk Perjanjian dengan Syarikat- syarikat konsesi.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah ditawarkan kepada syarikat- syarikat yang berkemampuan dan memenuhi kriteria keupayaan kewangan, keupayaan teknikal, kepakaran & pengalaman yang

ditetapkan. Pemilihan syarikat-syarikat tersebut dibuat secara proses tender dan bukannya secara rundingan terus. Perlantikan mereka dalam penswastaaan penuh kelak akan dibuat melalui Perjanjian Koneksi yang mempunyai terma-terma dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang akan memastikan pihak syarikat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan dan berkualiti.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini pengurusan sisa pepejal sememangnya terletak di bawah PBT. Namun memandangkan PBT mempunyai kemampuan kepakaran dan sumber kewangan yang terhad dalam melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara bersepadu, Kerajaan telah memutuskan untuk menyelaras dasar-dasar mengenai pengurusan sisa pepejal dan memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk menguruskan sisa pepejal.

NO. SOALAN: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : Tuan Gobalakrishnana/l Nagapan [Padang Serai]

TARIKH : 11 November 2010 (Khamis)

SOALAN :

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab-sebab Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tidak dibahaskan dalam Parlimen.

**JAWAPAN : YB PATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ
MENTER1 PI JABATAN PERDANA MENTER1**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Bayan Baru pada 8 Disember 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

Subseksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] memperuntukkan bahawa:

“Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun berikutnya mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktivitinya di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Tahunan SUHAKAM Tahun 2009 telah diedarkan di Parlimen pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-12 yang bermula pada 15 Mac 2010. Laporan Tahunan SUHAKAM menyentuh pelbagai isu hak asasi di bawah tanggungjawab Kementerian/agensi berkaitan. Antara isu yang sering dilaporkan ialah berkaitan kebebasan beragama, keselamatan, pendidikan, pembaharuan undang-undang, undang-undang pencegahan dan penahanan tanpa bicara, anti pemerdagangan orang dan kumpulan minoriti. Ahli Yang Berhormat boleh membangkitkan isu-isu berkaitan kepada Kementerian yang berkenaan sama ada melalui soalan lisan mahupun bukan lisan. Malah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh pada bila-bila masa membangkitkan apa-apa isu yang dilaporkan kepada YB Menteri berkenaan semasa Persidangan Parlimen berjalan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**DATO' HAJI MAHFUZ
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN TARIKH

LISAN

11.11.2010



**Dato' Haji Mahfuz Bin
(Pokok Sena) minta**

Omar

MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah kerajaan merancang untuk mengurangkan cukai dan duti eksais kenderaan import (CBU).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan cukai dan duti eksais kenderaan import (CBU). Namun begitu, selaras dengan usaha untuk menggalakkan penggunaan kenderaan kereta hibrid yang mesra alam dan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran kenderaan tersebut pada masa hadapan, Kerajaan telah melanjutkan tempoh pengecualian duti import dan eksais terhadap Kereta hibrid CBU yang akan berakhir pada 31 Disember 2010 kepada 31 Disember 2011. Di

samping itu, kadar pengecualian duti import dan 50% duti eksais yang dibenarkan sehingga akhir 2010 turut dipertingkatkan kepada pengecualian sepenuhnya bagi duti import dan duti eksais untuk tahun 2011. Kemudahan pengecualian tersebut juga telah diperluaskan kepada kereta elektrik dan motorsikal hibrid dan elektrik mulai 1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2011.

SOALAN NO : 11
PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PAD A	DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]
TARIKH	11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)
SOALAN	Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal (Labuan) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI berapakah kadar penghasilan sendiri (<i>self- sufficeincy rate</i>) negara terhadap produk berasaskan daging dan apakah program dan usaha berterusan Kementerian bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap produk daging luar.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Dasar Pertanian Negara Ke-3, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program penternakan lembu/kerbau bagi memenuhi permintaan daging dalam negara. Pada tahun 2009, pengeluaran daging lembu/kerbau sebanyak 41,000 tan metrik masih belum mencukupi untuk memenuhi permintaan dalam negara di mana Tahap Sara Diri (*Self Sufficiency Level - SSL*) adalah hanya 27%. Kekurangan pengeluaran daging dalam negara telah ditampung melalui pengimportan daging lembu/kerbau sebanyak 101,000 tan metrik dari negara- negara seperti Australia, India, New Zealand dan Uruguay.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyasarkan pencapaian SSL 33% bagi pengeluaran daging lembu/kerbau dalam negara menjelang tahun 2015. Ini selaras dengan langkah untuk mengurangkan import daging dan kebergantungan kepada negara luar bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara, adalah melalui:

- (i) pelaksanaan Program Transformasi Usahawan Ternak (TRUST) iaitu skim bantuan ternakan untuk menggalakkan golongan penternak tradisional yang berpotensi agar dapat beroperasi ke tahap komersial;
- (ii) peningkatan populasi ternakan menerusi Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS) di kawasan-kawasan berpotensi seperti di Segamat dan Taiping; dan
- (iii) pelaksanaan program integrasi ternakan di dalam ladang kelapa sawit dan getah di bawah KTS.

Melalui usaha-usaha ini, pengeluaran daging lembu/kerbau dalam negara telah dapat dipertingkatkan daripada 32,000 tan metrik pada tahun 2006 kepada 41,000 tan metrik pada tahun 2009. Pengimportan daging lembu/kerbau juga telah dapat dikurangkan daripada 105,000 tan metrik dengan nilai RM627 juta kepada 101,000 tan metrik dengan nilai RM921 juta pada tahun yang sama.

Soalan No : 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI
MAHMUD (KOTA RAJA)

TARIKH 11.11.2010

SOALAN:

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah jenis-jenis kesalahan yang membolehkan murid dibuang sekolah dan di dalam 5 tahun kebelakangan ini berapa ramai murid yang dibuang sekolah dan sebab-sebabnya. Nyatakan usaha spesifik yang diambil Kerajaan untuk mendidik murid-murid yang telah dibuang sekolah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Tindakan buang sekolah merupakan hukuman yang dilakukan terhadap murid yang telah melakukan salah laku atau tingkah laku yang mengganggu berulang kali dan didapati tidak berubah selepas tindakan memulihnya diambil oleh Pengetua, atau tingkah laku yang mendatangkan gangguan serius kepada murid-murid lain dan terhadap keseluruhan disiplin sekolah. Purata jumlah murid yang direkodkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam tempoh 5 tahun (2005-2009) bagi tindakan Buang Sekolah adalah seramai 1,665 orang setahun atau pada kadar 0.07%. Manakala dari segi jenis kesalahan pula, didapati kesalahan Ponteng Sekolah merupakan penyebab utama tindakan tersebut iaitu pada kadar 65.1% dan diikuti oleh salah laku Berunsur Jenayah pada kadar 21.5%. Manakala bagi kesalahan lain pula adalah Kenakalan

(Bergaduh/Hooliganisme) pada kadar 7.0%, Vandalisme (2.7%) dan salah laku Berunsur Kelucahan (3.7%).

Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid, KPM telah meneliti kes- kes tersebut dan telah meminta semua sekolah mengambil tindakan wajar di peringkat masing-masing agar ianya dapat dibendung di peringkat awal. Bagi murid-murid yang telah dikenakan tindakan Buang Sekolah;

ibu bapa atau penjaga murid berkenaan boleh merayu kepada Pengarah Pelajaran Negeri (Pendaftar) untuk bersekolah semula. Setiap rayuan akan diteliti agar kelakuan tersebut tidak berulang dan sekiranya rayuan tersebut diterima maka penempatannya adalah tertakluk kepada keputusan Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing.

Antara program pemulihan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran kepada murid terlibat adalah melalui Program Jati Diri. Program ini merupakan proses pemulihan kepada murid tersebut yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Kokurikulum Negeri.

Selain daripada itu, murid-murid berkenaan juga dikehendaki mengikuti proses kaunseling di peringkat sekolah masing-masing dan sehingga kini, mereka telah dapat mengikuti proses tersebut dengan jayanya.

Rjm 72

Soalan No: 13

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBENTANGAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :
DARIPADA**

JAWAB LISAN

YB PUAN HAJAH NANCY

BINTI

HAJI SHUKRI

(BATANG SADONG)

317.61km di Semenanjung) jalan telah siap dibina daripada sasaran sepanjang 751.93km di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB). Ini telah memberi manfaat kepada 419,734 orang penduduk luar bandar.

Manakala di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) sebanyak 20,929 buah rumah (9,474 buah rumah di Sabah, 2,597 buah rumah di Sarawak dan 8,858 buah rumah di Semenanjung) daripada sasaran sebanyak 70,181 buah telah menerima bekalan air bersih/terawat. Ini telah memberi manfaat kepada 104,645 orang penduduk dikawasan luar bandar.

Di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula sebanyak 19,401 buah rumah (10,694 buah rumah di Sabah, 8,002 buah rumah di Sarawak dan 705 buah rumah di Semenanjung) daripada sasaran sebanyak 25,312 telah menerima bekalan elektrik 24jam. Ini telah memberi manfaat kepada 97,005 orang penduduk dikawasan luar bandar.

Manakala di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) pula sebanyak 9,431 buah rumah (688 buah rumah di Sabah, 4,974 buah rumah di Sarawak dan 3,769 buah rumah di Semenanjung) daripada sasaran sebanyak 16,626 buah rumah telah berjaya dibina baru/dibaik pulih. Ini telah memberi manfaat kepada 47,155 orang penduduk miskin/ miskin tegar dikawasan luar bandar.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA

[PADANG TERAP]

TARIKH

11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir Bin Zakaria [Padang Terap] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan :

- (a) Adakah kerajaan berhasrat mengkaji mewujudkan penapisan internet sebagaimana China dan Iran bagi mengekang Web porno dan ganas. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa; dan**
- (b) Sekiranya tidak apakah langkah-langkah drastik bagi mengekang penularan budaya ganas & seks bebas melalui *Blackberry & net book*.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Seksyen 211 dan 223 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98) memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50.000 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun kepada mereka yang

SOALAN NO: 14

menyiarkan kandungan lucah dan jelek atau dengan sengaja menyakitkan hati seseorang. Mereka juga boleh didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 dan Kanun Kesiksaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Oleh yang demikian, pihak SKMM akan bertindak sekiranya terdapat aduan orang ramai mengenai kenyataan yang jelik, lucah dan menyakitkan hati, maka tindakan akan diambil melalui peruntukan tersebut. Dari segi ini, ia tidak menjurus kepada kawalan oleh Kerajaan tetapi lebih kepada melindungi kepentingan pengguna supaya tiada sebarang penyalahgunaan terhadap email, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya.

Setelah meneliti isu penggunaan perkhidmatan telefon bimbit Blackberry dan mengambil kira hasil perbincangan dengan pihak *Research In Motion (RIM)*, berdasarkan perkembangan semasa KPKK tidak bercadang untuk menyekat perkhidmatan Blackberry di Malaysia. Kerajaan yakin dengan tahap keselamatan pemindahan dan penyimpanan maklumat pengguna telefon bimbit ini. Dalam pada itu, Blackberry telah memberi banyak faedah dan kemudahan kepada masyarakat terutama kepada komuniti perniagaan (*business community*) dalam menjalankan aktiviti harian mereka.

Pihak RIM juga telah menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang disalurkan melalui perkhidmatan Blackberry bagi tujuan penyiasatan kes-kes yang melanggar undang-undang negara.

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]
TARIKH 11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa jumlah projek yang berjaya disiapkan dan projek yang tidak dapat disiapkan dan di bawa ke Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang mana dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sahaja, Sabah menerima peruntukan 20 bilion dan jumlah besar itu dimanfaatkan bagi membangunkan negeri, terutama bagi agenda pembasmian tegar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Prestasi pelaksanaan RMK-9 sehingga 15 Oktober 2010 sebanyak 12,568 projek (46.3%) daripada 27,120 projek di bawah RMK-9 telah

pun siap, sementara sebanyak 14,172 projek (52.3%) masih dalam pelaksanaan. Manakala prestasi perbelanjaan bagi RMK-9 adalah sebanyak RM201.989 bilion (87.8%) berbanding siling peruntukan sebanyak RM230 bilion.

Dalam RMK-10, projek sambungan yang diluluskan berjumlah 3,251 projek iaitu 52.8% daripada 6,157 projek yang diluluskan bagi tempoh 2 tahun pertama RMK-10 (2011-2012).

Tuan Yang Dipertua, sehingga 15 Oktober 2010, daripada 3,690 projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) negeri Sabah, sebanyak 2,056 projek bernilai RM6.81 bilion telah disiapkan dan sebanyak 843 projek bernilai RM3.73 bilion dibawa ke dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Dalam RMK-9 sebanyak RM661.5 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program/projek pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sehingga 15 Oktober 2010, prestasi perbelanjaan bagi peruntukan berkenaan adalah sebanyak RM537.120 juta (81.2%).

SOALAN NO.

16 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

(PAS) (JERAI)

TARIKH 11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (PAS) (Jerai) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah peserta terpilih untuk menyertai Program 1AZAM mengikut Negeri, kategori projek dan bantuan seperti yang dikenal pasti oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan peka terhadap kehidupan rakyat yang berpendapatan rendah di negara ini. Justeru, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area* (NKRA) meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, sejumlah 49 inisiatif telah dirangka dan akan dilaksanakan untuk membantu meningkatkan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan rendah. Antara program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di bawah NKRA adalah Program 1AZAM. Program 1AZAM adalah sebuah program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua,

dirujuk semula kepada pshatc Urusetia toagi memastikan lcesahihan maklumat

Program 1AZAM mengandungi 4 komponen iaitu AZAM Tani, AZAM Kerja, AZAM Niaga dan AZAM Khidmat. Contohnya, Projek AZAM Kerja yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan seperti pelayan restoran, pekerja industri dan pengawal keselamatan. Projek AZAM Tani pula, memberi peluang kepada golongan ini menyertai projek pertanian seperti tanaman sayuran, ternakan ayam kampung dan menghasilkan produk makanan berasaskan pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian minat Program 1AZAM yang telah dijalankan terhadap ketua isi rumah miskin tegar yang berdaftar di bawah sistem eKasih di seluruh negara sehingga bulan Mei 2010, seramai 18,366 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar berminat mengikuti Program 1AZAM. Daripada jumlah ini seramai 10,536 Projek AZAM Tani, 1,045 minat Projek AZAM Kerja, 5,703 Projek AZAM Niaga dan 1,082 Projek AZAM Khidmat. (perincian seperti di Jadual 1).

Jadual 1 : Pecahan Peserta Program 1AZAM Seluruh Negara Mengikut Projek AZAM

BIL	AZAM	MISKIN TEGAR SEMENANJUNG MALAYSIA	MISKIN TEGAR SABAH	MISKIN TEGAR SARAWAK	JUMLAH
1	Tani	2,091	3,348	5,097	10,536
2	Kerja	728	179	138	1,045
3	Niaga	1,862	2,876	965	5,703
4	Khidmat	395	1	686	1,082
JUMLAH		5,076	6,404	6,886	18,366

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian minat Program 1AZAM terhadap golongan miskin yang berdaftar di bawah sistem eKasih pula telah mula dilaksanakan pada bulan Julai 2010 oleh Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) yang merupakan salah satu jentera Kementerian di peringkat akar umbi. Sehingga kini, MPWK telah selesai

melaksanakan kajian minat 1AZAM di 9 Negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Melaka, Perak, Kedah, Pahang, Johor, Perlis, Terengganu dan Kelantan yang merangkumi seramai 8,466 isi rumah miskin. Berdasarkan hasil kajian minat 1AZAM, Kementerian mendapati minat yang paling tinggi adalah AZAM Tani seramai 2,028 isi rumah, diikuti oleh AZAM Niaga seramai 1,619 isi rumah, AZAM Kerja iaitu 831 isi rumah dan AZAM Khidmat seramai 292 isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

Peserta yang dikenal pasti telah dimajukan kepada agensi pelaksana utama mengikut kategori projek seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi AZAM Tani, Kementerian Sumber Manusia bagi AZAM Kerja serta Amanah Ikhtiar Malaysia bagi AZAM khidmat dan AZAM Niaga. Agensi pelaksana ini akan berperanan menyediakan sumber-sumber ekonomi, peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan kelayakan pendidikan golongan ini. Agensi pelaksana juga membimbing dan membuat pemantauan berterusan bagi Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan golongan ini dalam aktiviti ekonomi yang ditawarkan dan pemantauan berterusan oleh agensi-agensi pelaksana diyakini dapat meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan rendah seterusnya keluar daripada kemiskinan.

**HASIL KAJIAN MIN AT 1AZAM TERHADAP MISKIN TEGAR DI 13 NEGERI
SEMENANJUNG MALAYSIA**

No	Type of Azam	KL	Labuan	N9	Perlis	P.P	Selangor	Pahang	Melaka	Johor	Perak	T'ganu	Kel	Kedah	Total
2	Azam Tani 0	0	9	8	63	50	229	202	19	93	311	124	741	242	2,091
		23	10	14	77	102	209	80	39	140	257	171	564	176	1,862
	3 Azam Kerja 2	2	2	6	19	36	43	43	29	44	92	41	309	62	728
		3	1	6	29	9	53	15	5	40	52	30	115	37	395
	Azam Khidmat														
6	Tidak Berminat	3	5	16	27	74	34								
7	"			4	3	3	18	17	102	30					
				17	32	0	9	305	26	536					
Total		39	37	76	320	316	1,007	429	144	590	1,246	542	2,899	793	8,438

Jawapan ini tefafi eliluluskari cileti Y.Bhg Data* Dr. KSU. Seggla philaari perlti dirujuk siimula ktipacla pifsak Urusatia bagi nidtiiastfkan kesahihan mnaklurnai

HASIL KAJIAN MINAT 1AZAM TERHADAP MISKIN TEGAR D113 NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA

No	Type of Azam	KL	Labuan	N9	Perlis	P.P	Selangor	Pahang	Melaka	Johor	Perak	T'ganu	Kel	Kedah	Total
2	Azam Tani 0	0	9	8	63	50	229	202	19	93	311	124	741	242	2,091
		23	10	14	77	102	209	80	39	140	257	171	564	176	1,862
3	Azam Kerja 2	2	2	6	19	36	43	43	29	44	92	41	309	62	728
	Azam Khidmat	3	1	6	29	9	53	15	5	40	52	30	115	37	395
	Tidak Berminat				16	27	74	34	30	62	306	45	239	88	932
7	Tiada di Rumah	4	3	3	18		102		17	32					
Total		39	37	76	320	316	1,007	429	144	590	1,246	542	2,899	793	8,438

Jawapan ini telah disediakan oleh Y.Bhg Dato^s Dr, KSU, Sog61a pinclaan perlu disijilkan sernula kepada pihak Urusetia bagi memastikan kesahihan maklumat.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
 [PARIT]
TARIKH 11 NOVEMBER 2010

SOALAN

Tuan Mohd Nizan Bin Zakaria (Parit) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah projek prasarana yang masih terbengkalai setakat ini mengikut negeri dan apakah perancangan Kerajaan untuk menyiapkan projek-projek tersebut agar ianya dapat memberi faedah kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa teliti dalam merancang dan melaksanakan projek pembangunan agar ianya dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan supaya faedahnya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Untuk tahun 2010, sehingga 15 Oktober 2010 sebanyak 273 projek (1.00%) daripada 27,114 projek di bawah RMKe-9 telah dikenalpasti sebagai projek sakit dengan nilai sebanyak RM1.62 bilion. Dalam usaha untuk memulihkan projek-projek ini, kementerian-kementerian menggunakan mekanisme Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) untuk memulihkan projek-projek tersebut melalui pelantikan kontraktor penyelamat.

Antara sebab-sebab berlaku adalah, pengurusan dalaman kontraktor yang lemah, masalah mendapatkan bekalan bahan binaan, masalah utiliti dan masalah tenaga kerja.

SOALAN NO. 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARI PADA YB TUAN FONG KUI LUN
(DAP) (BUKIT BINTANG)**

TARIKH 11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Fong Kui Lun (DAP) (Bukit Bintang) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kedudukan kes pembuangan bayi seluruh negara dari segi bilangan, kaum dan langkah-langkah pencegahan yang diambil supaya tidak merebak sejak mutakhir ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius gejala pembuangan bayi yang semakin serius dibincangkan akhir-akhir ini oleh semua pihak. Data bilangan bayi yang dibuang yang dilaporkan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2004 hingga 2009 di seluruh negara tanpa pecahan kaum adalah seperti berikut di mana negeri Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu satu ratus dua puluh tujuh (127) kes diikuti dengan negeri Johor satu ratus empat (104) kes dan negeri Sabah tujuh puluh tiga (73) kes. Negeri Perlis mencatatkan bilangan kes

Jawapan Ini telah disediakan oleh Y.B. Uguis Dr. KSU, Segala pinclaan periii dirujuk semula kepada pihak Urusefia bagi memastikan kesahihari maklumat

terendah dengan satu (1) kes. Jumlah keseluruhan kes seluruh negara daripada tahun 2004 hingga 2009 adalah sebanyak empat ratus lapan puluh lima (485) kes.

KONTINJEN	TAHUN						JUMLAH
	2004	2005	2006	2007	2008	2009	
Perlis	0	0	0	0	0	1	1
Kedah	0	1	3	4	6	3	17
P/Pinang	0	2	0	5	10	5	22
Perak	1	5	2	0	5	7	20
Selangor	25	20	24	20	25	13	127
K/Lumpur	3	1	0	1	0	0	5
N/Sembilan	6	4	3	4	5	8	30
Melaka	0	1	2	0	0	0	3
Johor	21	17	21	21	13	11	104
Pahang	1	1	3	3	4	6	18
Terengganu	4	0	1	0	3	1	9
Kelantan	0	1	1	0	4	3	9
Sabah	7	11	11	12	20	12	73
Sarawak	10	3	12	6	7	4	42
JUMLAH	78	67	83	76	102	79	485

Sumber: PDRM Tuan

Yang di-Pertua,

Jawapan ini telah disyorkan oleh Y.BIS& Dato⁵ Dr, KSU. Segala pirtcfaan perlu cllrujuk semua kepada pihak Urusetla bagi mamastikan kesahihan maklumat

Langkah-langkah pencegahan yang diambil Kerajaan supaya gejala ini tidak merebak termasuklah menyediakan tempat perlindungan kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat. Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut ialah Taman Seri Puteri sebanyak empat (4) buah dan dua (2) buah Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil bayi luar nikah. Pusat Jagaan Sinar Kasih pula diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera.

Selain itu, KPWKM juga mempunyai lima puluh lima (55) buah lagi institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh lima (55) buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan.

JKM juga menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Terdapat lapan buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran dari JKM yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini.

Di samping itu, Kementerian melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut melaksanakan usaha-usaha bagi menangani gejala tersebut melalui tindakan seperti berikut:

- a) Perkhidmatan Kaunseling;
- b) Bengkel Interaktif;

• '■ \ 3 "•> , ; v : /'■* : : ■'.

- c) Melaksanakan program kesedaran melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak- Kanak Daerah (JKKD);

- d) Melaksanakan program kesedaran melalui pelaksanaan Modul SmartStart, Modul Kasih, Program Parenting@Work; Modul *I'm In Control* (Versi Remaja dan Versi Ibu Bapa);
- e) Mewujudkan pusat aktiviti remaja kafe@TEEN;
- f) Melaksanakan Program Pengukuhan Nilai Keluarga; dan
- g) Program Kenali Anak Kita.

Selain itu, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai sendiri dan perhubungan kekeuargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Di dalam mesyuarat Majlis Sosial Negara Ke-7 dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 1 Oktober 2010 yang lalu wakil daripada *The International Institute of Islamic Thought dan Civilization* (ISTAC) Muhammad 'Uthman El- Muhammady Prof. Sayyid Ajmal M.Razak Al-Aidurs telah membentangkan kertas kerja dengan tajuk "Masalah Membuang Bayi: Penyelesaiannya Daripada Perspektif Islam".

Di dalam pembentangan tersebut cadangan penyelesaian berdasarkan pendekatan cara Islam untuk mengatasi isu pembuangan bayi telah dibahagi kepada langkah jangka pendek dan panjang yang memberi tumpuan kepada 3 institusi asas iaitu keluarga, masjid dan sekolah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tanggungjawab bagi menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata-mata. Kerjasama dari pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia, badan bukan Kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia dan sektor korporat

Jawapan ini telah diluluskan oleh Y..Bb|| Dato' Dr, KSU. Segala pindaan perlu dirujuk kepada pihak Urusetia bagi memintakan litesahihan maklumat

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar telah dilancarkan pada 12 Oktober 2010 oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Pelan Induk ini secara khusus menyenaraikan teras dan strategi ekonomi yang menyeluruh bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Sehubungan dengan penekanan kepada aspek peningkatan pendapatan tersebut, satu unit khas iaitu Unit Model Ekonomi Baru Luar Bandar telah ditubuhkan di

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Unit ini diberi

1

tanggungjawab menerajui penggubalan Model Ekonomi Luar Bandar (MELB) dan menyediakan pelan pelaksanaannya (implementation roadmap) berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara teras utama Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar ialah pembangunan ekonomi yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan. Bagi tujuan penyediaan model ekonomi dan pelan pelaksanaan tersebut, makmal Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB) telah pun beroperasi di KKLW dan satu bengkel akan diadakan yang akan melibatkan peserta daripada pelbagai pihak. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) akan bekerjasama dengan KKLW dan agensi- agensi berkaitan dalam penggubalan model dan penyediaan pelan pelaksanaan tersebut.

Soalan No : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA LISAN Y.B. DR. CHE ROSLI BIN
CHE MAT (HULU LANGAT)

TARIKH 11.11.2010

SOALAN:

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan jangka panjang yang diambil dalam menangani status Peperiksaan UPSR dan PMR dalam menjaga masa depan anak-anak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan tersebut adalah atas kesedaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bahawa sistem pendidikan sekarang sering dilabel sebagai terlalu berorientasikan peperiksaan semata-mata dan tidak holistik. Justeru, setelah menimbang pandangan dan cadangan daripada pelbagai lapisan masyarakat, KPM telah memutuskan supaya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan terus dikekalkan tetapi penambahbaikan akan dilakukan mulai 2016. Manakala bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula akan diganti dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mulai 2014. Melalui kaedah ini, murid akan dinilai di setiap peringkat pembelajaran tanpa bergantung kepada peperiksaan awam sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UPSR masih dikekalkan di Tahun 6 dengan penekanan diberikan sebanyak 60 peratus berdasarkan lima mata pelajaran teras. Manakala 40 peratus lagi diambil melalui pentaksiran berasaskan sekolah yang meliputi mata pelajaran lain, aktiviti kokurikulum dan psikometrik yang melibatkan ujian kecenderungan dan personaliti.

Manakala bagi PMR pula, penambahbaikan dilaksanakan dalam bentuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah sepenuhnya yang dipantau oleh Lembaga Peperiksaan. Antara komponen utama termasuklah mata pelajaran yang dipelajari, kegiatan kokurikulum, ujian kecenderungan dan personaliti.

Walau bagaimanapun, cadangan penambahbaikan ini akan diteliti secara terperinci dalam semua aspek, sehinggalah mendapat kata putus yang benar-benar mantap sebelum pelaksanaannya bermula. Penambahbaikan ini tidak akan merugikan murid, malahan objektif utama penambahbaikan adalah untuk melahirkan modal insan yang holistik dan berkeupayaan tinggi dalam semua aspek.

Tuan Yang Dipertua,

NO. AUM : 2

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON
[TANGGA BATU]
TARIKH 11 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3228

SOALAN:

Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk sistem kawalan terhadap sensitiviti kepercayaan penganut-penganut agama di dalam penyiaran iklan-iklan perayaan dan promosi-promosi kerajaan yang disiarkan dalam sistem televisyen kerajaan dan swasta. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan memantau perkara-perkara yang sensitif yang berkaitan dengan kepercayaan agama bagi semua agama di Malaysia dengan cara tidak membenarkan tayangan filem termasuk iklan di musim-musim

perayaan dan promosi-promosi Kerajaan yang akan memaparkan adegan-adegan yang bertentangan dengan kepercayaan agama masing-masing.

Jika terdapat unsur-unsur sedemikian, maka adegan-adegan tersebut akan dipotong ataupun seluruh filem atau iklan tersebut tidak akan diluluskan untuk tayangan.

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]
TARIKH	11 November 2010

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah dasar-dasar yang hanya boleh dinikmati oleh Bumiputera yang kaya, seperti potongan harga untuk rumah mewah, boleh memanfaatkan Bumiputera yang miskin.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bersesuaian dengan pendekatan pembangunan berasaskan “pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama”, Kerajaan telah dan akan melaksanakan pelbagai strategi dan program bagi

Tuan Yang Dipertua,

mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi atau jurang pendapatan antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Contoh program yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat secara tidak langsung membantu meningkatkan pemilikan harta atau kekayaan oleh Bumiputera.

Dalam pada itu, Kerajaan sentiasa memastikan dan melaksanakan pelbagai program serta inisiatif bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Bumiputera miskin. Dari segi bantuan perumahan, bagi golongan tersebut, Kerajaan secara khusus memperkenalkan Program Bantuan Rumah yang bertujuan membina rumah baru atau memperbaiki rumah sedia ada. Bagi Bumiputera berpendapatan rendah pula, mereka layak menyertai program yang berbeza bersesuaian dengan tahap pendapatan mereka dan menikmati faedah subsidi yang disediakan oleh Kerajaan menerusi program seperti Program Perumahan Rakyat Disewa dan Program Perumahan Kos Rendah.

Di samping program perumahan, isi rumah miskin dari kalangan semua kaum turut menikmati faedah pelaksanaan pelbagai program dan projek yang bertujuan meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan telah menggariskan tiga strategi utama bagi mengurangkan jurang pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin. Pertama, menyediakan program sokongan bagi membina keupayaan dan meningkatkan prestasi pendapatan melalui peningkatan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan dan keusahawanan. Keduanya, menangani keperluan hidup dengan

meningkatkan akses kepada kemudahan asas termasuk kemudahan utiliti serta perkhidmatan kesihatan. Ketiganya, melaksanakan program khusus untuk kumpulan sasar tertentu termasuk Orang Asli, Bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak, pekerja-pekerja estet dan penduduk di Kampung Baru Cina.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 23

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE

[MAS GADING]

TAR1KH 11 NOVEMBER 2010

SOALAN :

Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah kajian menyeluruh dibuat mengenai kewujudan dan status kawasan-kawasan tadahan air di seluruh negara bagi memastikan "Water Security" di masa hadapan dan sebagai langkah awal untuk mencapai matlamat tersebut serta mengurangkan kos pembekalan air, khususnya bagi masyarakat luar bandar, bolehkah sistem air paip graviti sedia ada diintegrasikan dengan sistem retikulasi yang membekalkan air terawat.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius berkaitan 'Water Security' demi menjamin pembekalan air yang mencukupi secara berterusan bagi generasi masa kini dan akan datang. Ke arah ini, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan-kawasan berhutan untuk dijadikan kawasan tadahan air. Perkara ini merupakan elemen penting yang diambil kira dalam penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pegurusan Hutan setiap negeri.

Dalam hubungan ini, Majlis Perhutanan Negara (sekarang digabungkan di bawah Majlis Tanah Negara) telah memutuskan supaya semua Kerajaan Negeri menyegerakan pewartaan kawasan hutan tadahan air yang telah dikenal pasti supaya ianya terus dilindungi dan dipelihara.

Pada masa ini, sejumlah 841,608 hektar daripada Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia telah dikenal pasti sebagai Hutan Tadahan Air. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 750,923 hektar telah pun sempurna diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air sehingga Julai 2010. Manakala sejumlah 737,967 hektar di Sabah dan 4,079,535 hektar di Sarawak telah diwartakan sebagai kawasan hutan tadahan air. Adalah dijangkakan bekalan air mentah bersih dapat dikeluarkan dari kawasan-kawasan tersebut untuk menampung permintaan dan memenuhi keperluan masyarakat di negara ini.

Pada lazimnya di negara ini, khususnya bagi bekalan air luar bandar, sumber yang diperolehi adalah secara graviti dan terdapat proses rawatan air secara rawatan separa sahaja. Kebiasaannya

bekalan air ini pula akan dibekalkan melalui sistem rangkaian paip secara graviti merangkumi kawasan setempat yang bersaiz kecil dan sederhana.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat sistem rangkaian paip air terawat berhampiran dengan sistem graviti sedia ada di kawasan luar bandar tersebut, maka penyambungan sistem bekalan air awam tersebut boleh dibuat dengan rangkaian sistem graviti sedia ada setelah mengambil kira faktor-faktor tekanan, spesifikasi serta rekabentuk bagi memastikan proses penyambungan yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lenggong yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat Tebrau pada hari ini juga soalan no. 25 kerana ia berkaitan perkara yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut peruntukan undang-undang dibawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP 1984), bahawa apa-apa hasil penerbitan tidak boleh mengandungi perkara-perkara seperti berikut:-

- (a) memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan; atau**
- (b) yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai; atau**
- (c) yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang negara; atau**
- (d) yang selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.**

Namun begitu, terdapat juga hasil penerbitan yang masih mengandungi perkara-perkara yang dilarang seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi, yang adakalanya menyebabkan Kementerian ini tidak berpuas hati.

Sehubungan dengan tindakan yang dibuat oleh Kementerian terhadap hasil penerbitan yang tidak mengikut peraturan seperti yang ditetapkan, tindakan yang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:-

- (a) memberi nasihat, teguran dan amaran secara bersurat; atau
- (b) memberi surat tunjuk sebab; atau
- (c) menggantung atau membatalkan permit penerbitan berkenaan(Seksyen 13(1) AMCP 1984); atau
- (d) mengambil tindakan pendakwaan di Mahkamah jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar (Seksyen 8A (1)) atau bersifat hasutan (di bawah Akta Asutan).

NO.SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH 11 NOVEMBER 2010

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia akan diarahkan untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan untuk pilihan raya ke-13.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Sebelum menjawab pertanyaan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlu dijelaskan bahawa Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) sekiranya diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri.

Undang-undang persekutuan yang berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan ialah Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]. Bahagian V Akta 473 mempunyai peruntukan mengenai kuasa SPR untuk menyelia pilihan raya bagi melantik Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, semua

peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan dan dihentikan kuat kuasanya atau terhenti mempunyai kesan oleh subseksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Dengan termansuh dan terhentinya kuat kuasa dan kesan bagi apa-apa peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan di bawah Akta 473, seksyen 10 Akta 171 pula menghendaki keanggotaan sesuatu Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat secara pelantikan (*by appointment*).

Jika mana-mana Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan semula pilihan raya PBT, suatu keputusan dasar hendaklah dibuat terlebih dahulu bagi menentukan sama ada pilihan raya kerajaan tempatan hendak diadakan semula atau sebaliknya.

Ini kerana perkara yang berkaitan dengan kerajaan tempatan (termasuklah pilihan raya kerajaan tempatan) kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah diperuntukkan dalam Butiran 4, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, bagi menjawab pertanyaan, apa-apa perkara berhubung dengan kerajaan tempatan termasuklah pilihan raya kerajaan tempatan adalah merupakan perkara di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, bidang kuasa bagi mana-mana Negeri yang berkenaan adalah tertakluk kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) (*National Council for Local Government*) yang ditubuhkan mengikut Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan, walaupun kerajaan tempatan terletak di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing, apa-apa perkara yang melibatkan perubahan dasar dan perundangan mengenainya adalah tertakluk kepada kelulusan MNKT.

Justeru, tidak timbul soal SPR diarahkan untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan untuk PRU ke-13.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

SOALAN NO : 27

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN DING KUONG HUNG
[SARIKEI]
TARIKH 11 NOVEMBER 2010
SOALAN

Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- a) senaraikan jumlah lawatan berkala dalam sebulan oleh pegawai perubatan pakar di Hospital Sarikei;
dan
- b) jumlah pesakit yang mendapat rawatan sakit puan, perbidanan dan pembedahan di Hospital Sarikei yang perlu merujuk ke Hospital Sibul mengikut tahun dari tahun 2001 hingga sekarang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada masa ini perkhidmatan kepakaran di Hospital Sarikei diperolehi melalui lawatan Pegawai Perubatan Pakar secara berkala daripada Hospital Sibul dan Hospital Umum Sarawak Kuching; dan perkhidmatan pakar mengikut *sessional basis* dari Sibul Medical Centre.

Hospital Sibul menyediakan perkhidmatan lawatan pakar untuk disiplin-disiplin Perubatan Am, Pembedahan Ortopedik, Psikiatri;

Telinga, Hidung dan Tekak (ENT), dan Oftalmologi. Perkhidmatan lawatan pakar ENT juga diperolehi dari Hospital Umum Sarawak Kuching. Sibu Medical Centre pula menyediakan perkhidmatan lawatan pakar untuk disiplin-disiplin Pembedahan Am dan Pembedahan Ortopedik.

Jumlah lawatan berkala dalam sebulan oleh pegawai perubatan pakar pelbagai disiplin di Hospital Sarikei adalah di antara 4 hingga 8 kali sebulan. Disiplin seperti Pembedahan Am, Oftalmologi, Perubatan, dan Pembedahan Ortopedik melaksanakan lawatan pakar sekali dalam sebulan, manakala untuk disiplin Psikiatri lawatan pakar dibuat 2 kali sebulan. Lawatan pakar bagi disiplin Telinga, Hidung dan Tekak adalah sekali dalam 2 bulan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Seramai 1833 orang pesakit yang mendapat rawatan di Hospital Sarikei bagi disiplin Sakit Puan & Perbidanan dan Pembedahan am telah dirujuk ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut dari tahun 2002 sehingga September 2010.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
(TANJONG)
TARIKH : 11 NOVEMBER 2010
(KHAMIS)

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perbelanjaan persekutuan dalam pengurusan sisa-sisa pepejal dan sila nyatakan butiran perbelanjaan dari tahun 2002 sehingga 2010 dan tempoh konsesi kepada syarikat.
JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan untuk mengurus sisa pepejal sejak Rancangan Malaysia Ke-Tujuh (RMKe-7). Peruntukan tersebut disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menaik taraf tapak-tapak pelupusan yang telah mencapai kapasiti dengan

SOALAN (28)

membuka sel-sel baru dan membina ban, memasang paip *leachate*, paip pengudaraan gas serta kolam rawatan *leachate*. Di samping itu, peruntukan tersebut juga digunakan untuk membeli tong-tong sisa pepejal, kenderaan kompaktor serta melaksanakan program kitar semula di samping membiayai projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan seperti tapak pelupusan sanitari Bukit Tagar, stesen pemindahan Taman Beringin, stesen pemindahan Shah Alam dan mini insinerator di pulau-pulau peranginan dan tanah tinggi.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turut menyediakan peruntukan bagi membantu PBT yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pelaksanaan pengambilalihan secara

interim penswastaaan pengurusan sisa pepejal. PBT yang dikategorikan sebagai kurang berkemampuan ialah yang mempunyai kutipan cukai taksiran di bawah RM10 juta.

Perbelanjaan KPKT bagi pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2002 - 2009 adalah seperti berikut:

Tahun	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
2002	6,990,098	133,823,832
2003	8,916,883	61,498,116
2004	15,536,379	48,801,621
2005	14,171,409	281,987,425
2006	16,278,329	112,317,299
2007	19,109,386	191,946,764
2008	17,113,047	252,036,70
2009	18,000,000	99,206,962

NO. SOALAN :29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARI PADA	DATUK TIONG THAI KING [LANANG]
TARIKH	11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK TIONG THAI KING [LANANG] Minta PERDANA MENTERI menyatakan pengagihan peruntukan Menteri Pelancongan dan Timbalan Menteri Pelancongan mengikut pecahan negeri dan khasnya kepada Sibu pada tahun 2008 dan tahun 2009

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Y.B. Menteri Pelancongan yang disediakan pada tahun 2008 ialah sebanyak RM3.0 juta dan pada tahun 2009 ialah sebanyak RM2.0 juta. Dari jumlah ini, sebanyak RM2.9 juta telah dibelanjakan untuk tahun 2008 manakala peruntukan tahun 2009 telah dibelanjakan keseluruhannya. Tiada Peruntukan Khas disediakan kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelancongan bagi tahun-tahun tersebut.

Pengagihan Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Y.B. Menteri Pelancongan mengikut negeri bagi tahun 2008 dan tahun 2009 adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Y.B. Menteri Pelancongan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008

BIL	NEGERI	TAHUN 2008	
		BIL PROJEK	PERUNTUKAN(RM)
1	JOHOR	139	1,705,000.00
2	KEDAH	2	90,000.00
3	KELANTAN	2	10,000.00
4	MELAKA	1	5,000.00
5	N.SEMBILAN	1	5,000.00
6	PERAK	2	50,000.00
7	W.PERSEKUTUAN	48	1,035,000.00
	JUMLAH	195	2,900,000.00

Jadual 2 : Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Y.B. Menteri Pelancongan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2009

BIL	NEGERI	TAHUN 2009	
		BIL PROJEK	PERUNTUKAN(RM)
1	JOHOR	32	941,000.00
2	KEDAH	1	5,000.00
3	KELANTAN	2	85,000.00
4	N.SEMBILAN	1	5,000.00
5	PAHANG	9	80,000.00
6	PERAK	7	24,000.00
7	SELANGOR	7	283,000.00
8	W.PERSEKUTUAN	14	577,000.00
	JUMLAH	73	2,000,000.00

Tuan Yang Dipertua, Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri untuk Y.B. Menteri Pelancongan tidak diagihkan ke Kawasan SibU.

NO.AUM : 20

NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
TARIKH 11 NOVEMBER 2010
RUJUKAN 3088

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pendatang tanpa izin (PATI) yang telah ditahan pada 2009-2010. Apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan untuk mengurangkan kes-kes tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Gombak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik tangkapan oleh Jabatan

Imigresen Malaysia (JIM) bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 berjumlah 47,823 bagi tahun 2009 dan sebanyak 25,553 sehingga 30 September 2010.

Langkah-langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan kes-kes ini adalah seperti berikut:

- i. Mengambil tindakan undang-undang dengan mendakwa PATI di mahkamah di atas pelbagai kesalahan. Dari Januari hingga September 2010, Jabatan Imigresen Malaysia telah melakukan pendakwaan ke atas 9,944 kes; dan**
- ii. Melaksanakan proses pengusiran oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Dari Januari dan September 2010, sejumlah 15,327 orang telah diusir.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN Y.B. DATO' ISMAIL BIN
KASIM**

KAWASAN

TARIKH

ARAU

11.11.2010 (KHAMIS)

NO. SOALAN

9% 21

Y.B. DATO' ISMAIL KASIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan di dalam mengekalkan tahap persaingan kenderaan buatan Malaysia yang pada waktu ini sedang diasak oleh kenderaan keluaran negara asing yang semakin murah harganya dibandingkan kenderaan keluaran tempatan. Apakah kesan daripada AFTA akan memberi impak yang lebih negatif kepada industri pemotoran negara.

Jawapan:

Tuan Yang DiPertua,

Bagi memastikan pembangunan industri automotif tempatan yang terancang dan tersusun serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri dalam jangka panjang berikutan liberalisasi pasaran, Kerajaan pada 28 Oktober 2009 telah mengumumkan kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP).

Di antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk membantu industri automotif tempatan mengekal dan terus meningkatkan tahap persaingan kenderaan tempatan termasuklah:

- **menyediakan pakej geran dan insentif yang komprehensif seperti Dana Pembangunan Automotif**
2
(ADF), Dana Penyelarasan Industri (IAF) dan Skim Pinjaman

Mudah Automasi dan Modenisasi (SLSAM);

- **menggalakkan inisiatif rasionalisasi pengedar dan pembekal komponen automotif untuk mewujudkan struktur industri yang kompetitif melalui ADF; dan**
- **menggalakkan industri meningkatkan skala pengeluaran dengan mengeluarkan model-model untuk segmen pasaran khusus dan memperluaskan rangkaian industri dengan menggunakan komponen automotif tempatan.**

Di samping itu, Institut Automotif Malaysia (MAI) telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membantu dan mengukuhkan pembangunan industri automotif tempatan. MAI berfungsi sebagai pusat penyelarasan bagi semua perkara berkaitan industri automotif, termasuk dalam penggubalan dasar,

3

pembangunan modal insan serta penyelidikan dan pembangunan dalam industri automotif.

Komitmen negara di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) telah dipenuhi dan duti import bagi baki 20% produk dalam senarai *Inclusion List* (IL) iaitu 1,943 produk telah dimansuhkan mulai 1 Januari 2010. Walaupun duti import di bawah Perjanjian ini telah dimansuhkan, kenderaan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi peraturan tempasal yang ditetapkan iaitu “Regional Value Content (RVC) 40%” bagi menikmati duti sifar ini.

Selain itu juga, adalah tidak benar bahawa kenderaan keluaran negara asing adalah semakin murah harganya dibandingkan kenderaan tempatan. Sebagai contoh, Toyota Altis 1.6E yang dipasang di Thailand dijual pada harga RM105,990.00 berbanding PROTON Persona Elegance 1.6 H-

Line dan PROTON Waja CPS 1.6 H-Line berkapasiti enjin sama hanya dijual RM59,499.00 dan RM64,888.00 masing- masing.

Dengan pelaksanaan liberalisasi AFTA ini, ianya dapat memberikan kesan positif kepada industri kenderaan Negara kerana ia membolehkan industri kenderaan Negara mengimport alat-alat dari Negara ASEAN dengan harga yang kompetitif sekaligus mengurangkan kos bahan mentah dalam pembuatan kereta tempatan. Pada masa sama, ia juga membuka peluang bagi pengeluar kenderaan dan alat-alat kenderaan untuk mengeksport ke negara-negara ASEAN.

Tambahan pula, AFTA hanya melibatkan pemansuhan duti import dan Negara-negara anggota ASEAN masih boleh mengekalkan kadar duti eksais seperti sekarang.

Sekiranya industri tempatan terjejas akibat daripada pelaksanaan AFTA dan lambakan barangan, Malaysia boleh mengambil tindakan *safeguard* seperti tindakan anti- lambakan

mengikuti peruntukan-peruntukan di bawah perjanjian ATIGA dan WTO.

ASEAN merupakan pasaran penting dimana perdagangan Malaysia dengan negara-negara ASEAN menyumbang kepada 25 peratus daripada jumlah perdagangan luar Malaysia. Oleh yang demikian, Malaysia perlu mengambil sikap untuk melihat pasaran ASEAN sebagai pasaran yang berpotensi untuk Malaysia memperluaskan eksport. Sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan luar, Malaysia tidak boleh mengambil langkah-langkah *protectionist*

M'. 32.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA LISAN
YB DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS]
TARIKH NO. 11.11.2010 (KHAMIS)
SOALAN 32

DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah peniaga-peniaga yang diambil tindakan kerana ingkar dan menaikkan harga barang-barang kawalan semasa musim perayaan 'Hari Raya Aidilfitri' baru-baru ini. Apakah kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti dari segi penguatkuasaan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan akan wujud kepatuhan dan disiplin di kalangan peniaga-peniaga supaya isu menaikkan harga barang sesuka hati dapat dibanteras selama-lamanya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan merupakan salah satu pendekatan bagi merealisasikan misi Kementerian dalam melindungi pengguna. Objektif utama skim ini adalah bagi menangani isu mencatut (profiteering) semasa permintaan tinggi di musim perayaan.

Berdasarkan pemantauan KPDNKK dan maklum balas orang ramai, didapati pada keseluruhannya pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari

Raya Puasa 2010 berjalan dengan memuaskan dan di sambut baik semua pihak yang terlibat.

Melalui pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2010, sebanyak 72,145 premis perniagaan telah diperiksa di seluruh negara. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak 153 kes telah dihasilkan di mana 2 kes melibatkan kesalahan menjual melebihi harga maksimum, 57 kes melibatkan kesalahan tiada tanda harga dan 94 kes melibatkan tidak menggunakan tanda harga khas warna merah jambu. Hanya dua (2) Kesalahan menjual melebihi harga maksimum dikesan yang melibatkan telur ayam di Sandakan serta ayam standard di Gombak.

Jumlah kes yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu 46 kes diikuti oleh W.P kuala Lumpur (22 kes), Pulau Pinang (20 kes) dan Terengganu (19 kes). Sebanyak RM 15,555.00 kompaun ditawarkan dan sebanyak RM13,853.12 nilai rampasan dicatatkan.

Kerjasama dari semua pihak iaitu peniaga, pembekal, pemborong dan penjual runcit adalah memuaskan. Agensi-agensi berkaitan iaitu FAMA, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan LKIM juga telah mengambil inisiatif bagi menentukan bekalan barang-barang yang terlibat dengan skim mencukupi untuk menampung permintaan serta dapat mematuhi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Secara keseluruhan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2010 berjalan dengan lancar dan berjaya mengekang peniaga daripada memanipulasikan harga barang. Peniaga dan pengguna berpuas hati dengan penetapan harga, perjalanan skim dan hasil penguatkuasaan.

Antara kelemahan yang dikenal pasti di mana penguatkuasaan harga di peringkat pengeluaran tidak dapat dilaksanakan dan apabila berlaku kenaikan harga ianya memberi penekanan kepada harga jualan di peringkat borong dan runcit. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan dapat diatasi dengan wujudnya Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010. Melalui Akta ini skop penentuan harga akan diperluaskan bagi semua peringkat pengedaran iaitu pengeluar, pemborong dan peruncit.

Bagi memastikan kepatuhan dan disiplin wujud di kalangan peniaga- peniaga beberapa langkah telah diambil antaranya :

- i. Memperkenalkan perundangan baru yang mewujudkan mekanisme untuk membendung aktiviti pencatutan (mengambil keuntungan berlebihan yang tidak munasabah) oleh peniaga. Rang Undang-Undang Kawalan Harga dan Antipencatutan 2010 akan di bentang untuk bacaan kali kedua di Parlimen pada bulan Oktober 2010 ini; dan
- ii. Mewujudkan penguatkuasaan sendiri (self regulatory) di kalangan peniaga melalui pengendalian bengkel-bengkel dan kempen kesedaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.

DATO'SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' NORAINI BT. AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH 11 NOVEMBER 2010

SOALAN Dato' Noraini Bt Ahmad (Parit Sulung) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pembantu rumah asing dikesan berpenyakit oleh FOMEMA mengikut negara dan jenis penyakit untuk tempoh 2008 hingga 2010 dan apakah tindakan yang boleh diambil kepada agen yang menipu status kesihatan pembantu rumah asing dan berapa lamakah tempoh penggantian yang ditetapkan kepada ejen untuk menggantikan pembantu rumah berpenyakit.

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tempoh tahun 2008 hingga September 2010, seramai 500,855

SOALAN NO. 33

pembantu rumah asing telah menjalani pemeriksaan perubatan yang dikendalikan oleh FOMEMA di mana sejumlah 198,279 pada tahun 2008, 175,100 pada tahun 2009 dan 127,476 pada tahun 2010 sehingga September. Daripada jumlah tersebut didapati seramai 16,149 (3.22%) dari jumlah pembantu rumah diperiksa bagi tahun 2008 hingga September 2010

telah dikesan menghidap pelbagai jenis penyakit, manakala seramai 484,706 (96.78%) adalah normal dan sesuai untuk bekerja di Malaysia.

Sejumlah besar pembantu rumah asing yang dikesan 'Tidak Sesuai' untuk bekerja di Malaysia untuk tempoh tahun 2008 hingga September 2010 ialah dari negara Indonesia seramai 14,422 (2.88%) diikuti dari Cambodia seramai 963 (0.19%) dan negara Filipina seramai 528 (0.10%). Dari tahun 2008 sehingga September 2010, pembantu rumah yang didapati 'Tidak Sesuai' bekerja di Malaysia didapati dikesan mengidapi penyakit berjangkit seperti Tuberkulosis (CXR tidak Normal) sebanyak 4433 (0.885%), Hepatitis B sebanyak 2874 (0.574%), Sexually Transmitted Disease (Penyakit Kelamin) sebanyak 1619 (0.323%), HIV sebanyak 337 (0.067%), Malaria sebanyak 23 (0.005%), Leprosy sebanyak 2 (0.000%). Penyakit lain yang dikesan di kalangan pembantu rumah adalah seperti masalah psikiatri sebanyak 72 (0.014%), Epilepsi sebanyak 24 (0.005%), Kanser sebanyak 11 (0.002%) dan lain-lain penyakit sebanyak 4927 (0.984%).

Tuan Yang DiPertua,

Perkhidmatan Pengawasan dan Pemantauan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja asing yang dikendalikan oleh FOMEMA adalah bertujuan untuk memastikan semua pekerja asing yang bekerja di Malaysia adalah sesuai untuk bekerja dan bebas dari penyakit berjangkit. Semoga dengan langkah- langkah yang diambil terhadap pekerja asing ini, akan dapat mencegah penularan penyakit berjangkit kepada pekerja yang lain, majikan, ahli keluarga dan masyarakat tempatan khususnya. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan beban kepada fasiliti kesihatan awam dengan kehadiran pekerja asing yang memerlukan rawatan berpanjangan.

Maklumbalas kepada soalan berkaitan tindakan yang boleh diambil kepada agen yang menipu status kesihatan pembantu rumah asing dan berapa lamakah tempoh penggantian yang ditetapkan kepada ejen untuk menggantikan pembantu rumah berpenyakit yang diberikan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah seperti berikut;

- i. Sekiranya terdapat laporan rasmi yang membuktikan ejen berdaftar (Agensi Pembantu Rumah) dengan JIM menipu status kesihatan Pembantu Rumah Asing (PRA) bagi tujuan memperbaharui permit kerja (iaitu Pas Lawatan Kerja Sementara - PLKS), tindakan yang boleh diambil adalah seperti menggantung lesen dan mempertimbangkan untuk tidak memperbaharui lesen agensi mereka.**

- ii. JIM tidak menetapkan tempoh penggantian Pembantu Rumah Asing (PRA) bagi kes-kes di mana PRA asal didapati berpenyakit. Ia adalah tertakluk kepada perjanjian dan persetujuan di antara majikan dan agensi. Kebanyakan agensi menyediakan perkhidmatan penggantian bagi memenuhi keperluan majikan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARI PADA**

**Y.B. TUAN MOHAMMAD BIN
HUSAIN**

KAWASAN

PASIR PUTEH

TARIKH

11.11.2010 (KHAMIS)

NO. SOALAN

34

SOALAN

Y.B. TUAN MOHAMMAD BIN HUSAIN minta **MENTERI
PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI**
menyatakan setelah Kerajaan Pusat mengakui wujudnya
pengeluaran hasil petroleum dalam kawasan Kelantan
dengan pemberian wang ehsan, apakah program yang
dirancang bagi membolehkan rakyat Kelantan menyertai
industri berkaitan petroleum.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Secara amnya, Kerajaan sememangnya menggalakkan penglibatan mana-mana syarikat di dalam industri berkaitan petroleum. Antara insentif-insentif yang ditawarkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 kepada industri ini adalah Status Perintis atau *Pioneer Status* dan Elaun Cukai Pelaburan.

Setakat ini, zon-zon petrokimia yang telah dibangunkan di Kertih, Terengganu, Gebeng, Pahang dan Pasir Gudang/Tanjung Langsat, Johor telah membantu merencanakan lagi pembangunan industri petrokimia hiliran seperti pemprosesan plastik hiliran tempatan.

NO.AUM : 27

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

DATO' LILAH BIN YASIN [JEMPOL]

DARIPADA

11 NOVEMBER 2010

TARIKH

3089

**SOALAN:
RUJUKAN:**

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

- (a) berapakah bilangan kemalangan yang melibatkan lori pada tahun 2009 dan berapakah angka kematian dari kemalangan tersebut; dan**
- (b) apakah perancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah**

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jempol yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan lori di seluruh negara pada tahun 2009 ialah sebanyak 3,166 kes manakala jumlah kematian adalah sebanyak 213 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah ini, pihak poli's bersama-sama dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah melaksanakan langkah-langkah berikut:-

- i) menguatkuasakan larangan meletakkan kenderaan khususnya lori di lorong kecemasan;**
- ii) melancarkan operasi bersepadu untuk menguatkuasakan undang-undang ke atas pemandu yang melakukan kesalahan**

khususnya yang memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah;

mengambil tindakan secara proaktif dan drastik ke atas lori yang membawa lebih muatan;

mengetatkan pemeriksaan kenderaan lori di Puspakom bagi memastikan kenderaan tersebut disahkan selamat berada di jalan raya; dan

sentiasa mempertingkatkan kempen keselamatan kepada pengguna jalan raya mengenai pemanduan secara berhemah.

NO:36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA TUAN WONG HO LENG (SIBU)

TARIKH 11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN 36

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab mengapa projek meluaskan Lapangan Terbang Sibu masih belum dimulakan, dan berikan butiran projek, termasuk tarikh permulaan, kontraktor dan jumlah wang yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman, projek menaik taraf Lapangan Terbang Sibu telah dimulakan pada 13 September 2010 dan dijangka siap pada 12 September 2012. Peratus kemajuan projek sehingga 20 Oktober 2010 ialah 2% (sebenar), 2% (jadual) dan mengikut jadual yang ditetapkan . Projek ini dibahagikan kepada 2 pakej iaitu '*Extension of Passenger Terminal Building, Central Utility Building and other Associated Works*' (Pakej 1) dan '*Airside and Landside Works, DCA Building and Associated Works*' (Pakej 2). Kaedah perolehan projek ini ialah tender terbuka pra kelayakan dan kedua-dua pakej dianugerahkan kepada kontraktor Musyati Sdn Bhd. Kos projek ialah RM136,888,000.00 iaitu RM84,444,000 (Pakej 1) dan RM52,444,000 (Pakej 2).

Mengikut perancangan asal, jadual pelaksanaan bagi projek ini bermula dengan tender pra-kelayakan yang telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2009. Kelewatan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh urusan perolehannya terpaksa diulang akibat sambutan yang kurang menggalakkan. Perolehan projek pada asalnya telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2009 secara tender terbuka pra-kelayakan di kalangan syarikat tempatan Sarawak sahaja. Namun, memandangkan hanya 3 syarikat sahaja yang menyertai tender ini dan hanya satu syarikat yang berpengalaman dalam pembinaan lapangan terbang, ia dikhuatiri tidak memberikan pilihan yang terbaik kepada Kerajaan, maka tender pra- kelayakan telah dilakukan semula pada 18 Januari 2010 dan terbuka ke seluruh negara. Berdasarkan kepada tender pra-kelayakan semula yang telah

dilakukan, sebanyak 4 syarikat lagi berjaya dan ditawarkan tender bermula 29 Mac 2010 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 7 syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN .RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO'SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN
MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]
TARIKH 11 NOVEMBER 2010
SOALAN**

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian dapat meningkatkan/menaik taraf kesihatan masyarakat di luar bandar

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan taraf kesihatan masyarakat luarbandar telah berjaya menurunkan kadar kematian bayi dan kadar kematian ibu hamil di kalangan penduduk Malaysia yang mana hampir setaraf dengan negara maju. Kadar Kematian Ibu (MMR) telah menurun dari 140 / 100, 000 kelahiran hidup pada tahun 1970 kepada 28.9 / 100,000 pada tahun 2008. Manakala Kadar Kematian Bayi (IMR) telah menurun dari 39.4 / 1000 kelahiran hidup pada tahun 1970 kepada 6.4 / 1000 pada tahun 2008.

Bagi Negeri Sabah, Kadar Kematian Ibu (MMR) adalah 111 / 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2000 dan 112 / 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2009 manakala Kadar Kematian Bayi (IMR) adalah 11.1 / 1000 kelahiran pada tahun 2000 berbanding 8.9 / 1000 kelahiran hidup pada tahun 2009. Terdapat penurunan bagi IMR tetapi masih ada ruang untuk memperbaiki kadar MMR di Negeri Sabah.

Kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun bagi Negeri Sabah telah menurun dari 4.0 / 100,000 pada tahun 2000 berbanding 2.0 / 100,000 pada tahun 2009.

Bagi kes Kurang Zat Makanan (KZM), terdapat 5186 kes dengan bakul makanan pada tahun 2000 berbanding 5134 pada tahun 2009 (penurunan kes sebanyak 12.6%) bagi seluruh Malaysia. Kes KZM dengan bantuan bakul makanan di Negeri Sabah pada tahun 2000 pula adalah sebanyak 1356 berbanding 1028 pada tahun 2009 (penurunan sebanyak 32%).

Kes-kes penyakit berjangkit seperti tuberculosis juga telah menunjukkan penurunan di mana sputum positif bagi tuberculosis pada tahun 2000 adalah sebanyak 4,252 dan telah menurun kepada 3,415 pada tahun 2009 (penurunan sebanyak 24.5%)

Taraf kesihatan masyarakat luarbandar telah dapat dipertingkatkan dengan penyediaan lebih banyak kemudahan kesihatan statik dan penyediaan perkhidmatan klinik bergerak bagi kawasan yang sukar diakses . Sehingga kini, Kementerian telah mampu menyediakan 478 klinik kesihatan khusus untuk masyarakat luarbandar. Ini

merupakan 60% dari 808 keseluruhan klinik kesihatan yang beroperasi pada masa ini. Masyarakat luar bandar turut mendapat perkhidmatan dari 1920 buah Klinik Desa dan 196 pasukan klinik bergerak (darat,air dan udara) iaitu 86 pasukan di Semenanjung, 8 pasukan di Sabah dan 102 di Sarawak.

Bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan kepada masyarakat di luar bandar khususnya yang tinggal di kampung tradisi, kawasan pinggiran orang asli dan penduduk ladang, KKM telah diberi mandat untuk melaksanakan Klinik Bergerak 1 Malaysia (KB1M) dengan konsep baru menggunakan bas sebagai permulaan mulai November 2010.

Bagi negeri Sabah khususnya, dalam RMK-9, sebanyak 32 projek pembangunan prasarana kesihatan telah dilaksanakan. Sebanyak 11 projek lagi telah diluluskan dalam senarai RMK-10 bagi *rolling plan* yang pertama (2011-2012) Kementerian Kesihatan Malaysia. Daripada 11 projek (RMK10), lima merupakan projek baru dan enam adalah projek sambungan. Bagi memastikan tahap kesihatan baik untuk 57,736 penduduk di Daerah Tenom, sebanyak 3 buah klinik kesihatan, sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan 8 buah klinik desa telah dapat disediakan.

Selain pembangunan prasarana, KKM juga sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan anggota yang mencukupi dan terlatih. Sehingga kini, seramai 177 orang Pakar Perubatan Keluarga, 1289 orang Pegawai Perubatan, 6103 orang Jururawat, 10,950 orang Jururawat Masyarakat dan 2605 orang Penolong Pegawai Perubatan

ditempatkan di klinik-klinik di seluruh negara bagi memberikan perkhidmatan kepada semua lapisan masyarakat termasuk di luarbandar.

H6', 3\$

**INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan **PERTANYAAN LISAN**
Daripada **Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]**
Tarikh Menjawab **11 November 2010 [Khamis]**
Soalan **[No. 30]**

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan harga Getah Asli dan Minyak Kelapa Sawit stabil di pasaran Antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan harga getah berada dalam keadaan stabil pada paras yang menguntungkan baik kepada pekebun kecil dan juga pengeluar-pengeluar produk getah di pasaran tempatan dan antarabangsa, antara usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian adalah:

- i. membuat ketetapan dengan persetujuan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Indonesia dan Thailand untuk menyelaraskan dan mengurangkan jumlah eksport getah negara masing-masing melalui satu mekanisma yang telah dipersetujui bagi mengurangkan tekanan terhadap harga getah dan mengembalikan keyakinan pasaran;**
- ii. Kerajaan akan mempercepatkan pelaksanaan tanam semula getah tua yang kurang produktif bagi memperlahankan pengeluaran getah negara. Tindakan yang sama juga akan diambil oleh Indonesia dan Thailand bagi memperlahankan pengeluaran masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebihan penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran; dan**
- iii. bagi tempoh jangka panjang, negara-negara pengeluar utama getah iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand telah bersetuju untuk mengawal pengeluaran getah negara**

masing-masing melalui satu skim yang dikenali sebagai *Supply Management Scheme (SMS)*. Melalui skim ini, kawasan tanaman getah sedia ada, tanaman baru dan tanaman semula dipantau dan diselaraskan supaya jumlah pengeluaran getah oleh ketiga-tiga negara pengeluar getah utama ini seimbang dengan jumlah permintaan dunia. Langkah ini bertujuan untuk mengelak berlakunya lebih penawaran getah yang akan mempengaruhi harga getah dalam pasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi industri sawit pula, usaha-usaha berterusan Kerajaan untuk menstabilkan harga minyak sawit di pasaran antarabangsa meliputi:

- i. meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi penghasilan produk-produk bernilai tambah baru berasaskan sawit. Pengeluaran produk-produk baru bernilai tambah berasaskan sawit akan membuka peluang pasaran yang baru kepada produk-produk berkenaan dan mengurangkan persaingan di pasaran antarabangsa;
- ii. menerokai pasaran-pasaran baru dan memperkukuhkan pasaran sedia ada;
- iii. mengatasi halangan perdagangan melalui Perjanjian Perdagangan Bebas. Peningkatan kemasukan pasaran dapat dicapai apabila tarif import yang dikenakan ke atas keluaran kelapa sawit di negara rakan-niaga yang

mendatangi Perjanjian Perdagangan Bebas dikurangkan atau dihapuskan. Ini membolehkan keluaran kelapa sawit negara memasuki pasaran negara berkenaan pada harga yang lebih berdaya saing;

- iv. menambahkan bantuan khidmat pelanggan melalui penawaran khidmat nasihat teknikal oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia, penganjuran program-program pengenalan minyak sawit dan mengadakan program kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan institusi- institusi penyelidikan dan pembangunan di negara-negara berkaitan;
- v. melaksanakan strategi pengurusan bekalan dan permintaan. Ini dilakukan dengan melaksanakan penebangan dan penanaman semula tanaman pokok sawit yang berusia lebih 25 tahun dan tidak produktif, pelaksanaan Program B5 iaitu adunan lima (5) peratus biodiesel sawit dengan minyak diesel fosil, memperuntukkan kuota untuk eksport minyak sawit mentah tanpa duti, menggalakkan perdagangan timbal balas dan pembiayaan eksport minyak sawit melalui Skim *Palm Oil Credit Payment Arrangement*] dan
- vi. melaksanakan misi perdagangan/ misi promosi teknikal yang diketuai oleh YB Menteri/ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)

TARIKH : 11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR (TUMPAT) minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah cadangan lebuh raya
baru Kuala Lumpur-Kota Bharu akan dibina.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Lebu Raya Kuala Lumpur - Kota Bharu sebagaimana dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ialah merujuk kepada rangkaian Lebu Raya Pantai Timur yang telah, sedang dan akan dibina secara berperingkat-peringkat, iaitu Lebu Raya Kuala Lumpur Karak (siap pada tahun 1999), Lebu Raya Pantai Timur, Fasa 1 (Pahang) - siap pada 2004, Lebu Raya Pantai Timur, Fasa 2 (Terengganu) - sedang dalam peringkat pembinaan, dan Lebu Raya Pantai Timur, Fasa 3 (Kelantan) - peringkat perancangan.

Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya telah selesai menjalankan kajian kemungkinan pembinaan Lebu Raya Pantai Timur, Fasa 3 Negeri Kelantan. Kajian tersebut telah mengenal pasti pembinaan jajaran lebu raya sepanjang 147 kilometer dengan anggaran kos RM2.9 bilion, bermula dari Kg. Gemuroh di Negeri Terengganu dan berakhir di Pengkalan Kubor di Kelantan. Cadangan pembinaan LPT 3 ini merupakan antara projek berkeutamaan tinggi yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Ini memandangkan LPT 3 akan melengkapkan keseluruhan rangkaian Lebu Raya Pantai Timur yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Kota Bharu. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 40

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib
(Baling)**

TARIKH

11 NOVEMBER 2010

SOALAN

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan apakah Kerajaan sedar pekebun-pekebun kecil di Daerah Baling yang diambil alih oleh FELCRA telah tidak dapat memajukan semula tanah-tanah mereka kerana kedudukan persempadanan dan perenggan tanah-tanah mereka telah terhakis.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad hanya memajukan tanah bermilik yang mendapat persetujuan daripada pemilik-pemilik tanah. Pada peringkat awal, kerja-kerja pengukuran dijalankan terlebih dahulu ke atas tanah-tanah tersebut bagi menentukan garis sempadannya sebelum kerja-kerja pembersihan kawasan dilaksanakan.

Berhubung dengan isu ini, FELCRA Berhad bersedia membantu menjalankan kerja-kerja pengukuran semula untuk menentukan garisan sempadan dengan mendapatkan batu-batu sempadan bagi tanah bermilik tersebut. Pengukuran semula ini boleh dijalankan oleh FELCRA Berhad sekiranya terdapat permohonan daripada pemilik-pemilik tanah dan Pelan Akui iaitu Pelan Ukur Halus yang telah diluluskan oleh Pengarah Ukur Negeri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut
[Kuala Terengganu]

TARIKH : 11 November 2010 (Khamis)

SOALAN :

Tuan Hfloh. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah individu yang berumur antara 25 tahun hingga 45 tahun yang diisytiharkan muflis dari tahun 1995 hingga September 2010 di seluruh negara dan nyatakan sebab-sebabnya dan apakah usaha yang diambil untuk menangani isu tersebut.

YB PATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ

JAWAPAN: MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) menyimpan rekod kebangkrapan mengikut umur berdasarkan pembahagian seperti berikut:

- (a) 21-25 tahun;
- (b) 25 - 34 tahun;
- (c) 35 - 44 tahun;
- (d) 45 - 54 tahun; dan
- (e) 55 tahun ke atas

Bagi tempoh 2005 hingga Julai 2010, jumlah individu yang diisytiharkan bankrap adalah sebanyak 83,839 orang. Daripada jumlah tersebut individu yang berumur antara 25 hingga 44 tahun adalah sebanyak 46,506 atau 55.8% manakala jumlah individu bankrap yang berusia 45-54 tahun pula adalah sebanyak 27,779 atau 30.91%.

Antara punca-punca yang dikenal pasti yang menjadikan seseorang individu muflis:

(i) hutang sewa beli kenderaan	20,338	(24.25%),
(ii) pinjaman peribadi sebanyak	9,822	(11.77%),
(iii) pinjaman perniagaan	9,116	(10.93%),
(iv) pinjaman perumahan	6,515	(7.67%),
(v) hutang kad kredit	4,417	(5.5%),
(vi) penjamin korporat	4,447	(5.32%),
(vii) penjamin sosial sebanyak	3,915	(4.66%)

Tuan Yang di-Pertua,

Beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh Mdl untuk menangani isu ini termasuk ;-

- (a) mengadakan sebanyak 61 *Outreach & Awareness Program* di seluruh Malaysia bagi mendekati orang awam melalui hari bertemu pelanggan, taklimat, Klinik Mdl serta program seperti Mdl2U. Program ini memberi maklumat mengenai kesan-kesan kebangkrapan serta cara bagaimana seseorang bankrap boleh keluar daripada kebangkrapannya;**
- (b) Kenyataan Akhbar mengenai hal ehwal kebangkrapan dari segi pentadbiran dan penguatkuasaan telah dikeluarkan melalui akhbar-akhbar tempatan oleh Mdl. Setakat ini sebanyak 33 kenyataan akhbar telah dikeluarkan;**
- (c) Bekerjasama dengan pihak media elektronik melalui 16 slot rancangan termasuk slot berbahasa Tamil, Mandarin dan Iban (Sarawak) mengenai kebangkrapan dan tanggung jawab penjamin;**
- (d) ^{ss}*Consultative forum*", dengan izin, dan rundingan kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan, badan-badan korporat dan Majlis Peguam Malaysia untuk melancarkan lagi pentadbiran kebangkrapan sekaligus membantu bankrap untuk keluar dari status bankrap dengan segera; dan**
- (e) Proses pentadbiran insolvensi yang lebih efisien dengan mengkaji semula undang-undang kebangkrapan ke arah mewujudkan pemodenan undang-undang insolvensi yang meliputi antara lain, dengan izin, "*redefining the philosophy of insolvency law, threshold*" kebangkrapan, memperketatkan prosedur pengisytiharan kebangkrapan dan memperkenalkan alternatif lain selain dari mengisytiharkan seseorang individu yang tidak solven itu menjadi bankrap sekaligus mewujudkan persekitaran untuk menjayakan pertumbuhan ekonomi Negara.**

Hasil daripada inisiatif-inisiatif yang disebutkan menunjukkan pengurangan kadar kebangkrapan di kalangan remaja berumur bawah 25 tahun. Bagi tempoh 7 bulan pertama tahun 2010 terdapat sebanyak 139 kes kebangkrapan melibatkan remaja berumur di bawah 25 tahun berbanding 251 kes bagi tempoh yang sama bagi 2009. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak 44.6%.

Selain itu kadar kehadiran bankrap ke Mdl juga meningkat sebanyak 26.8% pada suku kedua tahun 2010 di mana seramai 3849 bankrap hadir ke Mdl berbanding suku pertama 2010 hanya seramai 3035 orang bankrap hadir untuk memberikan kerjasama dan mematuhi kehendak undang-undang kebangkrapan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH 11 NOVEMBER 2010 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA

MENTERI menyatakan -

NO. SOALAN: 42

- (a) adakah Rukun Negara yang bertulis itu dianggap sebagai salah satu kontrak untuk rakyat; dan
- (b) adakah kontrak sosial yang wujud ketika merdeka diiktiraf oleh Kerajaan sebagai satu kontrak rasmi.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berkenaan dengan soalan sama ada Rukun Negara yang bertulis itu dianggap sebagai salah satu kontrak untuk rakyat, dimaklumkan di sini bahawa prinsip Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan Malaysia yang telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara digubal berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang sedikit sebanyak telah menggugat perpaduan rakyat negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama.

Tujuan utama Rukun Negara diwujudkan adalah untuk mengembalikan keharmonian serta kesejahteraan rakyat berbilang bangsa dan agama dalam negara ini. Rukun Negara berperanan untuk memperkukuh semangat serta membentuk identiti nasional warganegara sebagai satu bangsa Malaysia. Di samping itu juga, Rukun Negara dimaksudkan bagi memupuk dan memelihara perpaduan pelbagai kaum.

Rukun Negara telah diwartakan dalam pemberitahuan *Warta* melalui

NO. SOALAN: 42

G.N. 4023/1970 sebagai hebahan kepada rakyat bahawa ia merupakan suatu kontrak yang mengikat dan perlu dipatuhi oleh semua rakyat. Selepas Rukun Negara diisytiharkan, Kerajaan juga telah mengambil langkah meminda Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 [Akta A30] bagi memasukkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

- (b) Berkenaan dengan soalan sama ada kontrak sosial yang wujud ketika merdeka diiktiraf oleh Kerajaan sebagai satu kontrak rasmi, dimaklumkan bahawa istilah “kontrak sosial” merupakan satu konsep yang bersifat politik. Di Malaysia, terma “kontrak sosial” membawa erti bahawa ia adalah hasil daripada kompromi antara etnik Melayu, Cina dan India mengenai hak bersama dan masing-masing, kedudukan istimewa dan persetujuan di antara Raja-Raja Melayu dengan British bagi mewujudkan suatu kerajaan dengan sistem demokrasi, beraja, bersekutu (*federal*) serta tidak teokratik (*non-theocratic*).**

Kontrak sosial tersebut telah diterjemahkan ke dalam peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang utama negara. Justeru, kontrak sosial tersebut merupakan suatu kontrak rasmi yang mengikat dan perlu dipatuhi oleh rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, draf Perlembagaan Persekutuan telah digubal oleh Suruhanjaya Reid berdasarkan beberapa siri

NO. SOALAN: 42

**pendengaran awam di seluruh negara dan maklumat yang diterima
daripada pelbagai persatuan dan orang perseorangan yang terdiri**

NO. SOALAN: 42

daripada pelbagai kaum di Malaysia.

Draf Perlembagaan Persekutuan tersebut dikemukakan kepada *Her Majesty the Queen* dan Majlis Raja-Raja Melayu pada 21 Februari 1957. Sejurus itu satu *Working Party* telah ditubuhkan di Persekutuan bagi mengkaji draf Perlembagaan yang digubal oleh Suruhanjaya Reid tersebut. Kemudian, *Working Party* tersebut (melalui *White Paper*) telah mengemukakan beberapa cadangan pindaan dibuat terhadap draf Perlembagaan tersebut kepada Majlis Raja-Raja dan *Federal Executive Council*. Cadangan pindaan yang dibuat melalui *White Paper* antara lainnya memasukkan peruntukan mengenai tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong bagi melindungi kedudukan istimewa orang Melayu di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan yang ada kini adalah hasil draf Perlembagaan Persekutuan yang dibuat oleh Suruhanjaya Reid dan beberapa peruntukan yang dipinda melalui *White Paper* seperti yang dinyatakan di atas.

Berdasarkan beberapa siri rundingan yang berlangsung dalam menggubal Perlembagaan Persekutuan, perkara-perkara seperti kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, pemeliharaan tanah rizab Melayu, kedudukan Raja-Raja Melayu dan adat resam serta pengagihan jawatan dalam Kerajaan telah dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan berkenaan. Bahasa Melayu juga telah dipersetujui sebagai bahasa kebangsaan manakala kaum Cina dan

NO. SOALAN: 42

India masih boleh menggunakan bahasa masing-masing sebagai perantara komunikasi tidak rasmi.

Pemimpin Cina dan India juga menuntut agar kewarganegaraan yang diberikan menjadi suatu hak yang tidak boleh dibatalkan (*could not be annulled*). Mereka juga menuntut supaya mereka boleh mengekalkan bahasa, agama dan budaya, dan sebagai warganegara, mereka menuntut supaya mempunyai hak yang sama dari segi politik seperti warganegara yang lain.

Semua persetujuan ini dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagi setiap perkara yang diberikan kepada kaum Melayu, terdapat juga peruntukan yang diberikan kepada kaum bukan Melayu.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, selepas Rukun Negara diisytiharkan, Kerajaan telah mengambil langkah meminda Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1971 [*Akta A30*]. Akta A30 antara lainnya telah memasukkan Fasal (4) Perkara 10 ke dalam Perlembagaan Persekutuan bagi mengenakan sekatan kepada semua orang daripada mempersoalkan keistimewaan yang diberikan dalam Perlembagaan Persekutuan demi menjamin keamanan dan keselamatan Persekutuan. Fasal (4) Perkara 10 ini juga dimasukkan untuk mengingatkan kepada semua rakyat di Malaysia supaya tidak mempertikaikan terma kontrak sosial yang dipersetujui sebelum merdeka.

Seterusnya, Mahkamah juga telah mengesahkan kedudukan kontrak sosial ini seperti dalam kes *Mark Koding v Public Prosecutor (1982)* 2

NO. SOALAN: 42

MLJ 120. Dalam kes tersebut, Mahkamah Agung telah menjelaskan bahawa terma kontrak sosial yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dipertikaikan demi menjamin keamanan negara.

Sekian, terima kasih.